SAMPEL PERCUMA

Percubaan SPM 2023 Pendidikan Islam SMK Seri Bintang Utara KL + Skema

Set penuh: Kertas Trial SPM

Pendidikan Islam (35+ set)

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- Folder Google Drive · Pendidikan Islam 35+ set

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

SMK SERI BINTANG UTARA
JALAN 3/91A TAMAN SHAMELIN PERKASA,
56100 CHERAS,
KUALA LUMPUR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2023

PENDIDIKAN ISLAM **1223/1**

Kertas 1

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi* **lima** *soalan .*
2. *Jawab* **semua** *soalan.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. **Kertas jawapan** *hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

1223/1© 2023 Hak Cipta Smk Seri Bintang Utara

Jawab **semua** *soalan*

1 *(a)* Firman Allah SWT:

أَجَعَلْتُمْ سِقَايَةَ ٱلْحَآجِّ وَعِمَارَةَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ كَمَنْ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ
ٱلْأَخِرِ وَجَٰهَدَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ لَا يَسْتَوُۥنَ عِندَ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ
ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٩﴾ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَهَاجَرُوا۟ وَجَٰهَدُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ بِأَمْوَٰلِهِمْ
وَأَنفُسِهِمْ أَعْظَمُ دَرَجَةً عِندَ ٱللَّهِ ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَآئِزُونَ ﴿٢٠﴾

(Surah Al-Taubah : 19-20)

Ayat di atas menerangkan tentang keutamaan melakukan suatu amalan.

Berdasarkan ayat di atas,

(i) Nyatakan maksud fiqh al-Aulawiyat. [2 markah]

(ii) Nyatakan secara ringkas sebab turun ayat 19 surah al-Taubah. [4 markah]

(iii) Nyatakan contoh fiqh al-Aulawiyat dalam bidang berikut;
(a) Amalan
(b) Tuntutan syarak [2 markah]

(iv) Terangkan pengajaran yang dapat diambil daripada ayat di atas. [2 markah]

(b) (i) Apakah maksud syiah ? [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** prinsip syiah yang bertentangan dengan akidah ahli sunnah wal jamaah. [2 markah]

(iii) Apakah pandangan ahli sunnah wal jamaah tentang pelaku dosa besar ? [2 markah]



(iv) Gambar di atas menunjukkan penularan kesesatan ajaran Syiah yang semakin membimbangkan dalam kalangan masyarakat.

Huraikan tindakan yang boleh dilakukan dalam menangani isu di atas.
[4 markah]

3 *(a)* Firman Allah SWT: "Dan Allah SWT mewajibkan manusia menunaikan ibadah haji dengan mengunjungi Baitullah bagi sesiapa yang mampu sampai kepadanya"

(i) Nyatakan **dua** perkara wajib haji selain berniat ihram di miqat. [2 markah]

(ii) Senaraikan **dua** larangan bagi wanita dalam ihram. [2 markah]

(iii) Nyatakan hukum kepada perkara berikut :

(a) Muhammad mengerjakan ibadah haji tanpa berniat ihram di miqat.

(b) Maryam melakukan ibadah tawaf dengan membuat pusingan mengikut arah jam. [2 markah]

Amin pergi ke Mekah menunaikan haji dengan membuat pembiayaan peribadi

(iv) Kemukakan pandangan anda tentang situasi di atas. [4 markah]

(b) Talak merupakan perkara yang dibenci oleh Allah walaupun ianya dibenarkan oleh syarak.

(i) Nyatakan maksud talak. [2 markah]

(ii) Bilakah hukum talak menjadi wajib ? [2 markah]

(iii) Senaraikan jenis talak. [2 markah]

(iv) Jelaskan **dua** perbezaan antara talak dan fasakh. [4 markah]

4 *(a)* (i) Namakan pusat pemerintahan kerajaan Abbasiah. [1 markah]

(ii) Nyatakan **tiga** sumbangan khalifah Abu Jaafar Abdullah Bin Muhammad Bin Ali al-Mansur. [3 markah]

(iii) Terangkan faktor kemerosotan kerajaan Abbasiah dari sudut politik. [2 markah]

(iv) Terangkan **dua** iktibar yang diperoleh daripada pemerintahan kerajaan Abbasiah. [4 markah]

(b) Profesor Ahmad bin Ibrahim merupakan anggota panel pengasas kuliah undang-undang di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

(i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup beliau. [3 markah]

(ii) Senaraikan **tiga** sumbangan beliau dalam sejarah Islam. [3 markah]


Profesor Ahmad bin Ibrahim merupakan tokoh undang-undang Islam di Malaysia dan diiktiraf sebagai bapa undang-undang Malaysia

(iii) Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah anda dapat mencontohi Profesor Ahmad bin Ibrahim dalam menimba ilmu ? [4 markah]

5 *(a)* Sifat wasatiah menjamin kecemerlangan umat.

(i) Nyatakan maksud wasatiah. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** cara mengamalkan keseimbangan dari aspek jasmani. [4 markah]



(iii) Bagaimana anda dapat memenuhi tuntutan tersebut dalam kehidupan seharian. Huraikan. [4 markah]

(b) Alam sekitar adalah salah satu bukti kebesaran dan kekuasaan Allah.

(i) Apakah maksud alam sekitar ? [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** adab menjaga alam sekitar. [4 markah]

(iii) Terangkan **dua** hikmah adab menjaga alam sekitar. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT.

PERATURAN PEMARKAHAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN
PENDIDIKAN ISLAM SPM TAHUN 2023

SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
1	(a)	(i)	Maksud fiqh al-Aulawiyat ialah: - **Mengutamakan** perkara yang sepatutnya didahulukan (1M) berdasarkan **prinsip syarak** (1M)	2 isi x 1m 2 markah
		(ii)	Sebab turun ayat 19 surah al-Taubah ; - Beberapa orang **sahabat berbincang pekerjaan** mereka selepas pembukaan Kota Mekah - Ada yang ingin memberi minum kepada Jemaah haji, ada yang ingin memakmurkan masjidil haram, ada yang ingin berjihad - Percakapan mereka ditegur oleh Saidina Umar kerana meninggikan sebelah mimbar Rasulullah - Saidina Umar mengadu kepada Rasulullah SAW	4 isi x 1m 4 markah
		(iii)	Contoh fiqh al-Aulawiyat dalam bidang ; (a) Amalan - Mengutamakan **amalan bersedekah berbanding gotong royong** - Mengutamakan **program berbentuk kebajikan masyarakat** berbanding memperbanyak amalan sunat peribadi (b) Tuntutan syarak - Mengutamakan **pelaksanaan zakat yang wajib** sebelum bersedekah - Mengutamakan **membantu ibubapa** berbanding iktikaf - Mempelajari **asas akidah** sebelum memperhalusi isu-isu fekah • **Satu daripada amalan dan satu daripada tuntutan syarak**	2 isi x 1m 2 markah

SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
2	(b)	(ii)	**Dua** prinsip Syiah yang bertentangan dengan akidah ahli sunnah wal jamaah : - Menyakini bahawa **al-imamah** merupakan **rukun agama** - Meyakini bahawa **imam2** adalah **maksum** - **Meyanjung Saidina Ali** r.a secara **keterlaluan** sehingga disamakan dengan Rasulullah SAW - Mengamalkan **Al-Taqiyyah**. - Menambah nama **Saidina Ali** r.a dalam **syahadah**	2 isi x 1m 2 markah
		(iii)	Pandangan ahli sunnah wal jamaah tentang pelaku dosa besar: - Pelaku dosa besar tetap dikira sebagai **mukmin** (1M) bukan kafir dan dihukum **fasiq** jika tidak bertaubat.	2 isi x 1m 2 markah
		(iv)	**KBAT -** Cadangan isi ; - Menghapuskan tempat-tempat berkumpul Kumpulan syiah - Mengenakan hukuman yang berat - Mengadakan kempen kesedaran bahaya Kumpulan syiah	4 isi x 1m 4 markah
3	(a)	(i)	**Dua** perkara wajib haji selain berniat ihram di miqat : - Bermalam di Muzdalifah. - Bermalam di Mina - Melontar Jamratul Kubra / Aqabah - Melontar ketiga-tiga jamrah - Meninggalkan larangan semasa ihram	2 isi x 1m 2 markah
		(ii)	**Dua** larangan bagi wanita : - Menutup muka - Menutup tangan / memakai sarung tangan	2 isi x1m 2 markah
		(iii)	Hukum bagi perkara berikut ; (a) Sah (b) Tidak sah	2 isi x1m 2 markah

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Trial SPM

Pendidikan Islam (35+ set)

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- Folder Google Drive · Pendidikan Islam 35+ set

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar